

KES SAMAN OLEH BAPA ALTANTUYA

Perbicaraan selepas 12 tahun fail kes

➔ Peguam plaintiff turut kemuka saksi dari Mongolia

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

■ Shah Alam

Selepas hampir 12 tahun difailkan, perbicaraan kes saman RM100 juta oleh keluaraga rakyat Mongolia, Altantuya Shaariibuu, akan didengar di Mahkamah Tinggi Shah Alam, hari ini.

Perbicaraan kes saman itu akan didengar di hadapan Hakim Datuk Vazeer Alam Mydin Meera.

Plaintif diwakili peguam Sangeet Kaur Deo, manakala Peguam Kanan Persekutuan, Jasmeen Hameez Jaafar, dijangka mewakili Ke-

rajaan Malaysia.

Sebelum ini, saman berkenaan difailkan pada 4 Jun 2007 oleh bapa Altantuya, wanita warga Mongolia yang mati dibunuh pada Oktober 2006.

Writ saman menamakan ketiga-tiga tertuduh kes pembunuhan berkenaan, Azilah Hadri, Sirul Azhar Umar dan bekas penganalisis politik, Abdul Razak Abdullah Baginda serta Kerajaan Malaysia sebagai defendant.

Ia turut menamakan bapa Altantuya, Dr Shaariibuu Setev, 68; ibunya, Altantsetseg Sanjaa, 68, dan dua anak lelaki wanita itu, Mungunshagai Bayarjargal dan Altanshagai Munkhtulga, masing-masing dianggar berusia 21 dan 16 tahun, sebagai plaintiff.

Writ saman itu difailkan firma guaman Messrs Karpal Singh & Co, di pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Sivil.

Dalam tuntutan itu, keluarga Altantuya mendakwa kematian wanita itu antara 19 hingga 20

Oktober 2006 yang didakwa dilakukan defendant pertama dan kedua dengan cara menembak dan meletupkan mangsa menggunakan bahan letupan C4, menyebabkan kejutan mental dan trauma psikologi yang membolehkan mereka menerima ganti rugi teladan dan teruk daripada keempat-empat defendant.

2 defendant penjawat awam

Mereka mendakwa ketika kejadian itu, dua daripada defendant adalah penjawat awam yang berkhidmat dengan defendant keempat, manakala Abdul Razak didakwa berhubungan dengan kedua-dua tertuduh itu.

Sangeet ketika dihubungi berkata, pihaknya memfailkan permohonan pada minggu lalu untuk mendapatkan semua kenyataan yang direkodkan polis daripada tertuduh serta saksi kes pembunuhan Altantuya sepanjang siasatan kes itu pada 2006.

Katanya, ia termasuk kenyataan

saksi yang tidak dipanggil sepanjang perbicaraan dan tidak terhad kepada kenyataan yang diambil mengikut peruntukan Seksyen 112 Kanun Prosedur Jenayah.

"Kami sudah memfailkan permohonan untuk mendapatkan semua kenyataan dan keterangan diperoleh peguam negara dan timbalan pendakwa raya, sama ada membabitkan mereka yang dipanggil sebagai saksi (pada perbicaraan kes pembunuhan Altan-

tuya sebelum ini) atau sebaliknya.

"Mungkin pihak peguam negara tidak sempat memfailkan afidavit balasan. Perbicaraan sepatutnya bermula esok (hari ini)," katanya.

Sangeet berkata, pihaknya akan mengemukakan saksi dari Mongolia termasuk Shaariibuu dan sepupu Altantuya, iaitu Burmah atau dikenali sebagai Amy.



Keratan akhbar BH
2 Oktober 2018.